

Ramadan Norma Baharu 2.0



Oleh: Nurul Afiqah Aziz

Universiti Sains Islam Malaysia

Disiarkan pada 2 Jun 2021

Ramadan tahun ini sudah melabuhkan tirainya. Bersyukurlah kepada Allah SWT kerana kita masih diberi peluang untuk menyambut bulan yang mulia ini walaupun dalam suasana norma baharu.



Gambar hiasan

Ramadan adalah bulan yang paling mulia bagi umat Islam. Ia memberi peluang bagi kita untuk bermuhasabah diri, menunaikan solat, membuat kebajikan dan meluangkan masa bersama keluarga.

Dalam hadis riwayat Bukhari dan Muslim dijelaskan bahawa Rasulullah SAW menyampaikan dua kegembiraan yang akan diperoleh umat Islam ketika berpuasa iaitu,

“Dan bagi orang yang berpuasa ada dua kegembiraan, ketika berbuka mereka bergembira dengan berbukanya dan ketika bertemu Allah mereka bergembira kerana puasanya.”

Ramadan norma baharu sudah semestinya agak berbeza sambutannya dengan yang dahulu. Seperti kita tahu, solat tarawih hanya dilakukan pada bulan Ramadan. Umat Islam sudah pasti tidak akan melepaskan peluang untuk solat tarawih berjemaah di masjid.

Namun, suasana solat di masjid sudah berubah sejak pandemik COVID-19 melanda negara. Setiap jemaah perlu menjarakkan diri satu meter dengan jemaah yang lain manakala jumlah yang dibenarkan solat di masjid adalah terhad.

Walaupun begitu, kita boleh mengambil peluang ini dengan mengeratkan lagi hubungan bersama ahli keluarga dengan mengadakan solat tarawih secara berjemaah di rumah.



Suasana di bazar Ramadan (gambar hiasan).

Berbeza dengan tahun lalu, kerajaan membenarkan penganjuran bazar Ramadan tahun ini dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat bagi mencegah penularan COVID-19.

Kelonggaran itu disambut baik oleh para peniaga kecil yang terjejas pendapatan akibat penutupan bazar Ramadan ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu.

Selain menjual di gerai, peniaga makanan juga boleh memanfaatkan teknologi terkini untuk mempromosi jualan mereka kepada para pelanggan.

Kaedah itu bukan sahaja lebih mudah dan berkesan, malah dapat mengurangkan kesesakan di bazar Ramadan, sekali gus mengekang penularan COVID-19.

Menurut Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), statistik pengguna internet pada 2011 menunjukkan terdapat hampir 17 juta pengguna di negara ini.

Secara tidak langsung, ia menunjukkan aktiviti penjualan dan pembelian melalui internet turut meningkat.

Sudah tentu kita tidak mahu norma baharu yang kadang-kadang menimbulkan situasi kurang selesa diteruskan lagi pada tahun hadapan.

Bagi memastikan kita dapat meraikan Ramadan seperti sebelum pandemik COVID-19 melanda, adalah penting bagi kita memberi kerjasama yang baik dengan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh kerajaan.